

24/01/2005

Perbahasan tidak sesuai nilai keintelekan mahasiswa

By Nzal Is

SAYA terpenggil mengulas komen Mohd Khairul Nizam Bakeri dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pada 18 Januari 2005 bertajuk 'Debat Gagal Tonjol Daya Intelek Mahasiswa.'

Ulasannya adalah berkaitan mutu Pertandingan Debat Akhir Astar anjuran Kolej Kediaman Pertama Universiti Malaya pada 8 Januari lalu.

Selaku rakan pendebat yang turut menyaksikan majlis itu, saya kurang bersetuju ulasan beliau. Menurut beliau, tajuk dipilih 'Tiba Masanya Perigi Mencari Timba' biasanya tidak didebatkan secara literal kerana tidak melambangkan keintelektualan mahasiswa, sebaliknya harus diperlambangkan kepada isu yang lebih intelek.

Pada pendapat saya, pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaku kerajaan membuka satu isu yang agak menarik dan lain daripada yang lain iaitu melihat kemampuan wanita dalam aspek sosial malah selaku kerajaan, sebenarnya mereka berhak untuk menentukan hala tuju perdebatan.

Menurut Khairul, UTM gagal memberi kaitan globalisasi dengan persaingan wanita dan lelaki kerana globalisasi berfokuskan konsep teknologi maklumat dan pasaran bebas.

Tetapi sekiranya dipandang secara intelek, globalisasi adalah terminologi yang menjelaskan kewujudan dunia tanpa sempadan, dasar langit terbuka dan digerak oleh teknologi maklumat meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial.

Pasaran bebas hanya menggambarkan senario ekonomi tetapi apa yang diterangkan kerajaan (UTM) ialah kesan globalisasi dalam aspek sosial yang telah mewujudkan fenomena genderisme iaitu tiada lagi perbezaan tahap antara lelaki dan wanita.

Dalam dunia globalisasi, semua orang sama ada lelaki atau wanita menerima impak kemajuan. Kesannya, lelaki dan wanita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam dunia globalisasi.

Tetapi perkara ini gagal diberi perhatian oleh Khairul. Malah konsep perdebatan yang UTM bawakan bukanlah untuk melihat persaingan lelaki dengan wanita, sebaliknya untuk melihat perbandingan kedudukan wanita sebelum dan selepas perkembangan globalisasi.

Wanita dulu daif, taraf pendidikan rendah dan tidak mampu berdikari, maka jodoh mereka ditentukan keluarga. Tetapi kerana tidak mahu ketinggalan dalam arus globalisasi, wanita kini ada taraf hidup dan tahap pendidikan yang tinggi, canggih dan mampu berdikari.

Wanita mampu untuk memulakan bibit pertemuan dengan pasangan dalam menentukan jodoh mereka. Sekiranya persoalan jodoh dalam aspek sosial dianggap tidak intelek, mengapa pula Datuk Dr Fadzillah Kamsah sering kali menyampaikan ceramah motivasi mengenai petua mencari jodoh sedangkan beliau adalah antara lambang keintelektualan masyarakat hari ini.

Sudah tentu kerana beliau menyedari hakikat peningkatan taraf sosial wanita hari ini yang mempengaruhi senario pencarian jodoh di negara kita. Hujah UTM juga menunjukkan nisbah wanita yang berpendidikan di institusi pengajian tinggi, jumlah wanita dalam perniagaan serta taraf hidup wanita yang tinggi menggambarkan kemajuan kaum hawa.

Semua hujah ini digalas dengan fakta dan perangkaan. Begitu juga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selaku pembangkang walaupun sudah melakukan perbandingan antara lelaki dan wanita, setidak-tidaknya mereka membawakan kes bangkangan dari sudut adat dan kepercayaan Melayu serta kegagalan wanita dalam kepimpinan seperti Megawati Sukarnoputri

untuk membuktikan kemampuan wanita.

Semua hujah ini tidak dinyatakan oleh Khairul dalam komennya sedangkan ini adalah asas penghujahan yang paling besar oleh kedua-dua pihak. Sebaliknya, beliau hanya mengambil pertikaian kecil seperti emosi wanita yang hanya sekali disebut dalam celahan, malah hujah mengenai 'datang bulan' tidak pernah dibawakan oleh mana-mana pihak.

Ini menggambarkan kepada saya betapa beliau masih tidak mendengar dengan baik perdebatan pada hari itu.

Apakah istilah 'intelekt' yang dimaksudkan Khairul? Membaca cadangan beliau untuk berdebat dalam aspek pelaburan dalam globalisasi, barulah saya faham intelekt pada matanya ialah globalisasi dalam ekonomi.

Katanya konotasi 'perigi mencari timba' membawa maksud perempuan mencari lelaki, menggambarkan kita tidak menunggu lagi orang mencari kita, sebaliknya kita yang mencari.

Atas konsep itu, beliau kaitkan ekonomi era globalisasi; negara pelabur seperti Amerika Syarikat tidak lagi mencari negara membangun untuk melabur, sebaliknya negara membangun mempromosikan negara mereka.

Permasalahannya ialah sejak sebelum globalisasi wujud lagi, kita sudah lama mencari negara pelabur. Contohnya, sebelum 1990-an Malaysia mempromosikan komoditi seperti getah dan kelapa sawit kepada negara maju sebelum beralih kepada sektor industri.

Daya tarikan pelaburan itu diteruskan lagi, cuma dikembangkan dalam bidang perindustrian, perkhidmatan dan pembinaan. Terminologi 'pelaburan' itu boleh berlaku bukan saja di kalangan negara maju, malah di kalangan negara membangun. Konsep yang beliau cuba cadangkan kurang jelas kerana gagal menunjukkan siapa yang mencari dan dicari.

Pernah satu ketika berlangsung perdebatan antara UIAM selaku pihak kerajaan dengan pembangkang atas tajuk 'Tiba Masanya Tongkat Itu Dibuang'. UIAM menggunakan pendekatan globalisasi untuk menggambarkan tongkat, sebaliknya pembangkang memandangkan usul itu berdasarkan ucapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada persidangan Umno iaitu tongkat merujuk kepada keistimewaan orang Melayu.

Kecenderungan membawa usul ini secara kompleks oleh UIAM menyebabkan perdebatan itu berlarutan tanpa pertembungan. Saya juga pernah menyaksikan perdebatan antara pasukan Khairul pada debat alam sekitar di UPSI.

Hujah pihak lawan berkaitan hujan asid yang mengakibatkan mutasi kepada ikan jantan sehingga menjadi ikan betina dibidas dengan remeh oleh beliau.

Kata beliau, itu adalah satu kebaikan kerana makin banyak ikan betina maka makin banyak boleh bertelur sedangkan kalau difikir secara intelekt, ikan yang telah mengalami mutasi pasti mengalami masalah reproduksi atau pembiakan normal kerana perubahan genetik.

Tambah menjengkelkan apabila bidasan itu disambut dengan tepukan gemuruh penuntut UIAM yang hadir. Inilah hujah yang sepatutnya dipandang sebagai tidak intelekt.

NZAL IS,
Parit, Perak.

(END) Source : Berita Harian